2. As used herein, a Communicable Disease mean any disease which can be transmitted by means of any substance or agent from any organism to another organism where :-
 - 2.1 the substance or agent includes, but is not limited to, a virus, bacterium, parasite or other organism or any variation thereof, whether deemed living or not, and
 - 2.2 the method of transmission, whether direct or indirect, includes but is not limited to, airborne transmission, bodily fluid transmission, transmission from or to any surface or object, solid, liquid or gas or between organisms, and
 - 2.3 the disease, substance or agent can cause or threaten damage to human health or human welfare or can cause threaten damage to, deterioration of, loss of value of, marketability of or loss of use of property.

(LMA5394) (Modified for Insurance Policy)

The Whole of this Policy (with the document in the definition of Policy) shall be read together as one contract.

IMPORTANT NOTICE

Please read this Policy and its Conditions. If anything is not correct, please return it immediately so that we can amend it.

This policy is written in English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia version the English version shall prevail.

Polisi Insurans Pacific Super Protector

(Polisi Insurans Kemalangan Diri)

**SETEM HASIL
TELAH
DIBAYAR**

BAHAWASANYA Pemegang Polisi yang diterangkan di dalam Jadual bersama ini mengikut profesion atau pekerjaan yang dinyatakan di dalam Jadual ingin menginsurans dengan cara yang disebut kemudian dari ini dengan The Pacific Insurance Berhad (kemudian dari ini dipanggil "Syarikat") telah membuat cadangan dan menandatangani perisytiharan bertarih sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual yang cadangan dan perisytiharan yang dipersetujui hendaklah menjadi asas kontrak bagi insurans yang dengan ini dimaksudkan untuk dibuat dan digabungkan di dalam ini dan telah membayar atau telah bersetuju untuk membayar Syarikat premium yang dinyatakan di dalam Jadual sebagai balasan bagi insurans untuk tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

MAKA POLISI INSURANS INI MEMPERAKUI bahawa jika semasa Tempoh Insurans Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan anggota badan disebabkan oleh cara yang tidak disengajakan yang mana kecederaan itu hendaklah semata-mata dan tidak bergantung pada mana-mana sebab lain mengakibatkan kematian atau hilang upaya kepada Orang Yang Diinsuranskan sebagaimana kemudian dari ini ditakrifkan atau memerlukan rawatan perubatan dan/atau hospital dan pembedahan sebagaimana kemudian dari ini ditakrifkan, Syarikat tertakluk kepada terma, peruntukan, pengecualian dan syarat dan yang diendoskan ke atas Polisi ini (yang terma, peruntukan, pengecualian dan syarat setakat sifat mereka masing-masing izinkan dianggap prasyarat kepada hak memperoleh semula di bawah Polisi ini) akan membayar kepada Pemegang Polisi atau sekiranya berlaku kematian kepada wakil diri yang sah Pemegang Polisi jumlah wang yang ditetapkan di dalam Polisi.

JADUAL MANFAAT

Pelan	Klasifikasi Pekerjaan	Jumlah Pokok Diinsuranskan (RM)	Belanja Perubatan Setiap Kemalangan (RM)	Tunai Harian Hospital (RM)	Liabiliti Diri (RM)	Manfaat Mingguan (RM)
1	1 & 2 Sahaja	50,000	3,500	75 setiap hari	75,000	-
1A	1 & 2 Sahaja	50,000	3,500	75 setiap hari	75,000	50 setiap minggu
2	1 & 2 Sahaja	100,000	4,500	75 setiap hari	150,000	-
2A	1 & 2 Sahaja	100,000	4,500	75 setiap hari	150,000	75 setiap minggu
3	1 & 2 Sahaja	150,000	5,500	75 setiap hari	225,000	-
3A	1 & 2 Sahaja	150,000	5,500	75 setiap hari	225,000	100 setiap minggu
4	1 & 2 Sahaja	200,000	6,500	100 setiap hari	300,000	-
4A	1 & 2 Sahaja	200,000	6,500	100 setiap hari	300,000	125 setiap minggu
5	1 & 2 Sahaja	300,000	7,500	100 setiap hari	450,000	-
5A	1 & 2 Sahaja	300,000	7,500	100 setiap hari	450,000	150 setiap minggu
6	1 & 2 Sahaja	500,000	8,500	175 setiap hari	750,000	-
6A	1 & 2 Sahaja	500,000	8,500	175 setiap hari	750,000	250 setiap minggu
7	1 & 2 Sahaja	750,000	9,500	175 setiap hari	1,125,000	-
7A	1 & 2 Sahaja	750,000	9,500	175 setiap hari	1,125,000	375 setiap minggu
8	1 & 2 Sahaja	1,000,000	10,000	225 setiap hari	1,500,000	-
8A	1 & 2 Sahaja	1,000,000	10,000	225 setiap hari	1,500,000	500 setiap minggu
9	3 Sahaja	50,000	3,500	75 setiap hari	75,000	-
9A	3 Sahaja	50,000	3,500	75 setiap hari	75,000	50 setiap minggu
10	3 Sahaja	100,000	4,500	75 setiap hari	150,000	-
10A	3 Sahaja	100,000	4,500	75 setiap hari	150,000	50 setiap minggu
11	3 Sahaja	150,000	5,500	75 setiap hari	225,000	-
11A	3 Sahaja	150,000	5,500	75 setiap hari	225,000	50 setiap minggu
12	3 Sahaja	200,000	6,500	100 setiap hari	300,000	-
12A	3 Sahaja	200,000	6,500	100 setiap hari	300,000	75 setiap minggu
13	3 Sahaja	300,000	7,500	100 setiap hari	450,000	-
13A	3 Sahaja	300,000	7,500	100 setiap hari	450,000	75 setiap minggu

HURAIAN MANFAAT

PERLINDUNGAN ASAS

2. JUMLAH POKOK DIINSURANSKAN

- (a) Kematian
Membayar Jumlah Pokok Diinsuranskan sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan yang berlaku dalam tempoh dua belas bulan kalendar selepas kemalangan.
- (b) Hilang Upaya Kekal
Membayar peratusan daripada Jumlah Pokok Diinsuranskan seperti yang disediakan di dalam Jadual Pampasan Hilang Upaya Kekal.

JADUAL PAMPASAN HILANG UPAYA KEKAL			
HILANG UPAYA KEKAL (berlaku dalam tempoh dua belas bulan kalendar selepas kemalangan)	Peratusan daripada Jumlah Pokok Diinsuranskan	HILANG UPAYA KEKAL (berlaku dalam tempoh dua belas bulan kalendar selepas kemalangan)	Peratusan daripada Jumlah Pokok Diinsuranskan
Hilang dua anggota badan	100%	Hilang jari manis	
Hilang kedua-dua tangan, atau semua jari dan kedua-dua ibu jari	100%	- tiga falanks	6%
Hilang penglihatan pada kedua-dua belah mata	100%	- dua falanks	5%
Lumpuh Sepenuhnya	100%	- satu falanks	3%
Kecederaan yang menyebabkan kekal terlanjar	100%	Hilang jari kelingking	
Sebarang kecederaan yang menyebabkan hilang upaya kekal dan menyeluruh	100%	- tiga falanks	5%
Hilang lengan di bahu	100%	- dua falanks	4%
Hilang lengan antara bahu dan siku	100%	- satu falanks	3%
Hilang lengan di siku	100%	Hilang metakarpus	
Hilang lengan antara siku dan pergelangan tangan	100%	- pertama atau kedua (tambahan)	4%
Hilang tangan di pergelangan tangan	100%	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	3%
Hilang kaki		Hilang jari kaki	
- di pinggul		- semua	20%
- antara lutut dan pinggul	100%	- ibu jari kaki, kedua-dua falanks	8%
- bawah lutut	100%	- ibu jari kaki, satu falanks	3%
Mata : Hilang	100%	- selain dari ibu jari kaki, jika lebih dari satu jari kaki putus, setiap satu	2%
- seluruh mata		Hilang kekal pertuturan & pendengaran pada kedua-dua telinga	100%
- semua penglihatan pada satu mata	100%	Hilang pendengaran	
- semua penglihatan pada satu mata, kecuali peka cahaya	100%	- kedua-dua telinga	75%
- kanta satu mata	50%	- satu telinga	25%
Hilang empat jari	40%	Hilang pertuturan	50%
Hilang ibu jari		Pemendekan lengan	
- kedua-dua falanks	30%	- lebih dari 1" sehingga 2"	2.5%
- satu falanks	15%	- lebih dari 2" sehingga 4"	5%
Hilang jari telunjuk		- lebih dari 4"	12.5%
- tiga falanks	15%	Pemendekan kaki	
- dua falanks	10%	- lebih dari 1" sehingga 2"	5%
- satu falanks	5%	- lebih dari 2" sehingga 4"	10%
Hilang jari hantu		- lebih dari 4"	25%
- tiga falanks	8%	Hilang upaya kekal kepada genitalia	
- dua falanks	5%	- Mati pucuk (lelaki, sehingga umur 60 tahun sahaja)	10%
- satu falanks	3%	- Ketidaksuahan (wanita, sehingga umur 50 tahun sahaja)	10%
Sekiranya kecederaan tidak dinyatakan, Syarikat mempunyai hak untuk menggunakan peratusan daripada hilang upaya yang, pada pendapatnya, konsisten dengan peruntukan Jadual di atas. Hilang guna kekal dan menyeluruh anggota hendaklah dianggap sebagai kehilangan anggota. Kehilangan Pertuturan hendaklah bermaksud ketidakmampuan sama sekali kekal untuk berkomunikasi secara lisan. Agregat semua peratusan yang perlu dibayar berkaitan dengan mana-mana satu kemalangan hendaklah tidak melebihi 100%. Sekiranya jumlah 100% telah dibayar semasa tempoh Polisi ini, semua insurans di dalam ini hendaklah dengan serta merta tidak lagi berkuat kuasa. Semua kehilangan lain yang kurang daripada 100% jika telah dibayar hendaklah mengurangkan perlindungan sebanyak amaun itu dari tarikh kemalangan sehingga tamatnya tempoh Polisi ini.			

2. BELANJA PERUBATAN

Syarikat akan mengganti rugi Pemegang Polisi bagi Belanja Perubatan yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat kemalangan. Polisi juga diperluaskan untuk melindungi Belanja Perubatan yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat Orang Yang Diinsuranskan telah mendapat Demam Denggi, Malaria atau Ensefalitis Japanese (JE). Liabiliti maksimum Syarikat akibat daripada mana-mana satu kemalangan/hilang upaya tidak melebihi amaun yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

Belanja Perubatan hendaklah termasuk belanja yang ditanggung bagi hospital (termasuk Bilik dan Makan), klinikal, rawatan perubatan dan pembedahan, Rawatan Sinseh atau Tradisional* dan kos bagi mendapatkan Laporan Perubatan/Pakar/Bedah Siasat**

* Rawatan Sinseh atau Tradisional

Syarikat akan membayar balik kos Rawatan Sinseh atau Tradisional termasuk ubat yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat kemalangan sehingga RM40 setiap lawatan dan sehingga RM400 setiap kemalangan.

** Bayaran bagi Laporan Perubatan/Pakar dan/atau Bedah Siasat.

Syarikat akan membayar balik kos sebenar sepenuhnya sebagai sebahagian daripada Manfaat Belanja Perubatan tetapi hanya jika laporan demikian dikehendaki secara khusus oleh Syarikat untuk pemprosesan tuntutan.

3. TUNAI HARIAN HOSPITAL

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memerlukan penghospitalan akibat kemalangan, Syarikat akan bayar manfaat harian sebagaimana ditetapkan di dalam Jadual Manfaat bagi tempoh penghospitalan, sehingga maksimum satu ratus lapan puluh (180) hari. Manfaat ini dicetuskan hanya jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital untuk lebih daripada dua belas (12) jam kerana kemalangan. Hospital hendaklah bermaksud mana-mana hospital/pusat perubatan awam atau swasta yang beroperasi secara sah yang menyediakan bilik dan makan dan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam.

4. LIABILITI DIRI

Syarikat akan mengganti rugi Pemegang Polisi sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat sekiranya Orang Yang Diinsuranskan disahkan bertanggungjawab untuk membayar kepada pihak ketiga berkenaan dengan kecederaan anggota badan atau kerosakan harta benda akibat kemalangan. Faedah ini terhad di dalam Malaysia sahaja. Sekiranya mana-mana tuntutan terbukti melibatkan penipuan selepas pembayaran dibuat, Syarikat akan mendapatkan balik semua pembayaran yang dibuat berkaitan dengan tuntutan yang melibatkan penipuan itu. Di samping itu Syarikat mempunyai hak mengambil apa-apa tindakan selanjutnya, termasuk tindakan undang-undang terhadap pihak yang menuntut dalam hal demikian.

Di bawah manfaat Liabiliti Diri, Syarikat akan, tertakluk kepada had liabiliti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, mengganti rugi Pemegang Polisi berkaitan dengan:

- (a) Semua jumlah yang Orang Yang Diinsuranskan bertanggungjawab dari segi undang-undang untuk membayar bagi pampasan berkaitan dengan:
 - Kecederaan anggota badan akibat kemalangan kepada seseorang
 - Kerosakan akibat kemalangan kepada harta
- (b) Semua kos dan belanja untuk litigasi:
 - Diperoleh semula daripada Orang Yang Diinsuranskan oleh mana-mana pihak yang menuntut
 - Ditanggung dengan persetujuan bertulis Syarikat berkaitan dengan tuntutan terhadap Orang Yang Diinsuranskan, bagi pampasan kepada yang mana indemniti yang dinyatakan di dalam Polisi ini diguna pakai.

Sekiranya berlaku kematian kepada Pemegang Polisi, Syarikat berkaitan dengan liabiliti yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan, menanggung rugi wakil diri yang sah Pemegang Polisi mengikut terma dan tertakluk kepada pengehadan Polisi ini dengan syarat wakil diri yang sah demikian hendaklah

seolah-olah mereka adalah Pemegang Polisi mematuhi, memenuhi dan tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat Polisi setakat yang ia boleh diguna pakai.

5. MANFAAT MINGGUAN (Hanya digunapakai jika dinyatakan dalam Jadual Polisi)

Jika Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh sama sekali melibatkan diri atau mengurus profesion atau pekerjaannya kerana kecederaan disebabkan oleh kemalangan yang dilindungi di bawah Polisi sebagaimana disahkan oleh Pengamal Perubatan yang berkeelayakan, Syarikat akan membayar Pemegang Polisi amaun yang ditetapkan di bawah Manfaat Mingguan di dalam Jadual Manfaat sehingga kepada tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan.

PERLINDUNGAN PILIHAN

Dengan premium tambahan sebanyak RM50, anda boleh menambah RM100,000 untuk faedah Kematian dan Hilang Upaya Kekal untuk pelan-pelan di bawah Pekerjaan Kelas 1 & Kelas 2. Akan tetapi, perlindungan opsyenal ini tidak diguna pakai untuk peruntukan lain yang dinyatakan disini.

PERUNTUKAN KHAS

1. LEMAS ATAU SESAK NAFAS AKIBAT KEMALANGAN

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Orang Yang Diinsuranskan sebagaimana disebut di dalam ini akibat daripada lemas atau sesak nafas akibat kemalangan melalui asap, wasap beracun atau gas.

2. BAYARAN AMBULANS

Syarikat akan membayar balik bayaran yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan bagi perkhidmatan ambulans yang perlu di Malaysia (termasuk atendan) ke atau dari hospital sehingga RM1,000 dengan syarat Bayaran Ambulans demikian bersabit kemalangan kepada Orang Yang Diinsuranskan.

3. GIGITAN BINATANG ATAU ULAR, SERANGGA BERBAHAYA ATAU KERACUNAN MAKANAN

Melainkan disebut secara khusus di dalam ini, Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Orang Yang Diinsuranskan sebagaimana disebut di dalam akibat daripada gigitan binatang atau ular, serangga berbahaya (tidak termasuk penyakit yang dijangkitkan oleh nyamuk) atau keracunan makanan dengan sentiasa menjadi syarat yang perluasan ini tidak diguna pakai jika peristiwa itu kerana membunuh diri atau percubaan terhadapnya.

4. KEGIATAN SUKAN AMATUR

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Orang Yang Diinsuranskan sebagaimana disebut di dalam akibat daripada melibatkan diri dalam sukan dalam atau luar bangunan sebagai amatur, sentiasa menjadi syarat yang perluasan ini tidak diguna pakai kepada mana-mana kemalangan yang timbul daripada sebarang jenis perlumbaan (selain daripada jalan kaki).

5. ELAUN PERKABUNGAN

Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Diinsuranskan secara khusus kerana Demam Denggi, Malaria atau Ensefalitis Japanese (JE), Syarikat akan bayar Pemegang Polisi (atau wakil diri yang sah Pemegang Polisi) 10% daripada Jumlah Pokok Diinsuranskan yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat sebagai elaun perkabungan setelah penyerahan dokumen yang diperlukan.

6. TRANSFUSI DARAH

Syarikat akan bayar Pemegang Polisi 10% daripada Jumlah Pokok Diinsuranskan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat jika Orang Yang Diinsuranskan mendapat Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) akibat transfusi darah ketika Orang Yang Diinsuranskan menjalani rawatan perubatan bagi kecederaan atau penyakit akibat kemalangan semasa Tempoh Insurans di dalam hospital kerajaan atau persendirian berlesen dalam Malaysia.

7. MANFAAT KEMASUKAN DAN KELUAR HOSPITAL TANPA TUNAI

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memerlukan penghospitalan kerana kemalangan, Syarikat akan memudahkan kemasukan Orang Yang Diinsuranskan ke hospital tempatan yang tersenarai dan berlesen dalam Malaysia dengan menyediakan jaminan yang diperlukan oleh hospital sehingga maksimum RM2,500. Keracunan makanan dan minuman, Demam Denggi, Malaria atau Ensefalitis Japanese (JE) dikecualikan daripada kemasukan tanpa tunai ini. Selepas itu, Syarikat akan juga memudahkan Orang Yang Diinsuranskan keluar dari hospital yang sama dengan syarat:

- (a) bil terakhir daripada hospital tidak melebihi Manfaat Belanja Perubatan Orang Yang Diinsuranskan yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.
- (b) semua butiran di dalam bil terakhir daripada hospital sebenarnya dilindungi di bawah Manfaat Belanja Perubatan sebagaimana ditakrifkan di dalam Polisi ini. Butiran yang tidak dilindungi mesti ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan.

Manfaat Tanpa Tunai ini akan hanya diaktifkan selepas tujuh (7) hari bekerja dari penyerahan dan penerimaan cadangan Pemegang Polisi di mana-mana pejabat berdaftar Syarikat.

8. KOMA

Sebaik sahaja pengesahan oleh pakar perubatan yang Orang Yang Diinsuranskan telah berada dalam keadaan koma bagi sekurang-kurangnya satu (1) tahun kerana kemalangan, Syarikat akan bayar 100% daripada Jumlah Pokok Diinsuranskan. Walau bagaimanapun, Syarikat mempunyai hak untuk mendapat balik pembayaran yang dibuat jika Orang Yang Diinsuranskan sedar semula dengan syarat potongan sebanyak 10% daripada pembayaran tersebut dibuat bagi setiap tahun Orang Yang Diinsuranskan berada dalam keadaan koma.

9. PEMBETULAN GIGI DAN PEMBEDAHAN PEMBETULAN KOSMETIK

Syarikat akan membayar balik Pemegang Polisi sehingga RM5,000 berkaitan dengan belanja ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan bagi Pembetulan Gigi atau Pembedahan Pembetulan Kosmetik yang dibuat pada leher, kepala atau dada (pusat ke atas) berikutan kecederaan yang dialami akibat kemalangan, dengan syarat Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembetulan Kosmetik disyorkan dan dijalankan oleh Pakar Ortodontik atau Doktor Bedah Kosmetik berlesen.

10. KEHILANGAN

Sekiranya Pengambil Insurans hilang semasa insurans ini berkuatkuasa, dan badannya tidak dijumpai dalam tempoh satu tahun selepas kehilangannya dan bukti yang mencukupi dan memuaskan telah dikemukakan kepada Syarikat dan secara tidak dapat dielakkan telah membawa Syarikat kepada kesimpulan bahawa dia mengalami kecederaan badan melalui kemalangan dan kecederaan sedemikian telah mengakibatkan kematiannya, Syarikat akan membayar faedah kematian yang diperuntukkan di bawah insurans ini dengan syarat bahawa orang atau orang-orang tersebut yang menerima jumlah sedemikian hendaklah menandatangani satu akujanji untuk memulangkan jumlah sedemikian kepada Syarikat sekiranya Orang Yang Diinsuranskan tersebut didapati masih hidup kemudiannya.

11. INDEMNITI BERGANDA

Manfaat di bawah Polisi ini akan digandakan jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami sama ada kematian atau kekal lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah atau kehilangan/hilang guna kekal menyeluruh dua (2) anggota kerana kemalangan:

- (a) semasa dalam perjalanan sebagai penumpang membayar tambang dalam sebarang cara pengangkutan awam, atau
- (b) semasa dalam perjalanan di luar negara*

* Perjalanan di luar negara dalam konteks ini bermaksud yang berikut:

- Jika Orang Yang Diinsuranskan rakyat Malaysia - Orang Yang Diinsuranskan mengembara keluar Malaysia. Jika Orang yang Diinsuranskan juga mempunyai kediaman tetap di dalam negara lain, maka manfaat ini hanya diguna pakai jika Orang Yang Diinsuranskan mengembara keluar

Malaysia dan keluar dari negara yang mana beliau mempunyai kediaman tetap itu.

- Jika Orang Yang Diinsuranskan rakyat Malaysia yang diambil bekerja secara sah di negara asing – Orang Yang Diinsuranskan mengembara keluar Malaysia dan keluar negara yang mana beliau diambil bekerja.
- Jika Orang Yang Diinsuranskan bukan rakyat Malaysia - Orang Yang Diinsuranskan mengembara keluar Malaysia dan/atau keluar negara asalnya.

NOTA: Indemniti Berganda diguna pakai bagi sama ada (a) atau (b) di atas, dan tidak kedua-duanya.

Indemniti Berganda tidak diguna pakai kepada perlindungan tambahan bagi manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal di bawah "Perlindungan Pilihan".

12. PENDEDAHAN

Polisi ini melindungi tuntutan kematian atau hilang upaya kekal yang disebabkan oleh pendedahan kepada unsur alam akibat kemalangan dengan syarat sekiranya berlaku kematian Orang Yang Diinsuranskan disebabkan oleh pendedahan kepada unsur alam, kematian itu tertakluk kepada inkues dengan yang mana didapati yang Orang Yang Diinsuranskan mati kerana pendedahan akibat kemalangan.

13. BELANJA PENGEBUMIHAN

Syarikat akan membayar Pemegang Polisi (atau wakil diri yang sah Pemegang Polisi) RM5,000 sebagai belanja pengubatan sekiranya kematian akibat kemalangan kepada Orang Yang Diinsuranskan.

14. MANFAAT PENCULIKAN

Syarikat akan membayar jumlah sekaligus RM5,000 bagi belanja yang perlu yang ditanggung oleh keluarga Pemegang Polisi untuk mendapat balik Orang Yang Diinsuranskan dan juga menawarkan ganjaran RM25,000 bagi maklumat yang membawa kepada dapatnya balik Orang Yang Diinsuranskan. Pembayaran manfaat ini tertakluk hanya sebaik sahaja penentuan dan pengesahan oleh pihak polis yang wang tebusan telah dituntut oleh penculik bagi pemulangan Orang Yang Diinsuranskan. Dalam hal tiada tuntutan wang tebusan dibuat, Syarikat mempunyai budi bicara mutlak sama ada akan atau tidak membuat apa-apa bayaran bawah manfaat ini. Jumlah Pokok Diinsuranskan akan dibayar penuh jika Orang Yang Diinsuranskan yang diculik tidak ditemui semula selepas tempoh satu (1) tahun dari hari penculikan.

15. MENUNGGANG MOTOSIKAL

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Orang Yang Diinsuranskan seperti yang ditakrifkan di dalam ini akibat daripada Orang Yang Diinsuranskan melibat diri dalam menunggang motosikal, dengan sentiasa menjadi syarat bahawa perluasan ini tidak digunakan pada apa-apa kemalangan yang timbul dari perlumbaan, mengkadar kelajuan, ujian kebolehpercayaan atau ujian kelajuan motosikal.

16. PEMBUNUHAN ATAU SERANGAN

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Orang Yang Diinsuranskan sebagaimana disebut di dalam ini akibat daripada pembunuhan atau serangan dengan sentiasa menjadi syarat yang perluasan ini tidak diguna pakai jika peristiwa itu berlaku kerana provokasi oleh Orang Yang Diinsuranskan.

17. HILANG UPAYA KEKAL PADA GENITALIA

Syarikat akan bayar Pemegang Polisi sehingga had yang ditetapkan di dalam Jadual Pampasan Hilang Upaya Kekal jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami mati pucuk (bagi laki-laki berumur sehingga 60 tahun sahaja) dan/atau kemandulan (bagi perempuan sehingga berumur 50 tahun sahaja) kerana kemalangan. Hilang upaya kekal seperti itu mesti disahkan oleh Doktor Pakar Berkelayakan.

18. PROTESIS / KERUSI RODA

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami hilang upaya kekal kerana kemalangan, Syarikat akan membayar balik Pemegang Polisi, sehingga RM1,000, kos pembelian mana-mana peralatan perubatan berikut dengan sentiasa menjadi syarat yang peralatan perubatan demikian perlu untuk

membantu dalam pergerakan Orang Yang Diinsuranskan dan disyorkan oleh pakar perubatan/doktor bedah yang merawat:

- (a) kerusi roda
- (b) lengan atau kaki tiruan
- (c) topang ketiak

19. BONUS PEMBAHARUAN

Sewaktu pembaharuan insurans, Jumlah Pokok Diinsuranskan bagi Kematian dan Hilang Upaya akan dinaikkan sebanyak 10% sehingga 70% daripada Jumlah Pokok Diinsuranskan tanpa mengambil kira sebarang tuntutan yang dibuat selain daripada tuntutan kerana kematian atau hilang upaya. Bonus pembaharuan tidak diguna pakai keatas perlindungan tambahan bagi manfaat Kematian dan Hilang Upaya di bawah "Perlindungan Pilihan".

20. BELANJA REPATRIASI

Syarikat akan membayar balik Pemegang Polisi (atau wakil diri yang sah Pemegang Polisi) sehingga maksimum RM5,000 bagi belanja repatriasi yang ditanggung dalam menghantar mayat Orang Yang Diinsuranskan balik ke negara asal Orang Yang Diinsuranskan jika kematian kerana kemalangan ketika mengembara di luar negara asalnya. Pembayaran balik belanja repatriasi akan berdasarkan kepada belanja sebenar yang ditanggung atau RM5,000 yang mana lebih rendah, bagi pengangkutan mayat Orang Yang Diinsuranskan balik ke negara asalnya.

21. MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Orang Yang Diinsuranskan seperti yang ditakrifkan di dalam ini secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh Mogok, Rusuhan atau Kekecohan Awam yang tidak mencapai takat kebangkitan awam kecuali Orang Yang Diinsuranskan itu sendiri secara aktif melibatkan diri bila perluasan ini menjadi batal dan tak sah.

PERUNTUKAN LAIN

- (a) Pampasan berkaitan dengan manfaat yang disebut di sini hanya perlu dibayar bila tuntutan telah dibuktikan sehingga Syarikat berpuas hati.
- (b) Pampasan bawah Manfaat Belanja Perubatan hanya perlu dibayar jika rawatan perubatan atau pembedahan tersebut diberi kepada Orang Yang Diinsuranskan oleh Pengamal Perubatan atau Sinseh yang berkeelayakan dalam masa dua (2) tahun selepas tarikh kemalangan, dengan syarat belanja yang pertama ditanggung dalam masa dua puluh enam (26) minggu selepas tarikh kemalangan. Manfaat ini hanya perlu dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan memberi Syarikat bil perubatan asal yang dikeluarkan oleh Pengamal Perubatan atau Sinseh yang berkeelayakan.
- (c) Manfaat Tunai Harian Hospital hanya perlu dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh kemalangan. Tempoh pampasan maksimum bagi mana-mana satu kemalangan adalah satu ratus lapan puluh (180) hari. Manfaat ini hanya perlu dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital bagi lebih daripada dua belas (12) jam. Tempoh ditahan di hospital yang seterusnya kerana sebab yang sama akan dianggap sebagai satu kemalangan.
- (d) Pampasan bawah Manfaat Mingguan perlu dibayar hanya jika kecederaan anggota badan demikian dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas tarikh kemalangan menyebabkan hilang upaya menyeluruh dan berterusan dan menghalang sama sekali Orang Yang Diinsuranskan daripada melaksanakan sebarang tugas atau fungsi berkaitan dengan pekerjaannya. Manfaat ini hanya perlu dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan memberi Syarikat sijil perubatan asal yang dikeluarkan oleh Pengamal Perubatan yang berkeelayakan.
- (e) Bagi mana-mana manfaat untuk dibayar bawah Manfaat Kemaskutan dan Keluar Hospital Tanpa Tunai, ia adalah suatu peruntukan bahawa laporan polis mesti dibuat oleh Orang Yang Diinsuranskan atau wakil dirinya yang sah dalam masa dua puluh empat (24) jam berikutan kemalangan.
- (f) Pampasan bawah Manfaat Transfusi Darah hanya perlu dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan didiagnos secara positif dijangkiti oleh Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dalam masa 2 tahun dari tarikh transfusi darah.

PENGECEUALIAN

Polisi ini tidak melindungi kematian atau sebarang kecederaan/hilang upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau yang berkaitan dengan mana-mana berikut:

1. perang, penaklukan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan tentera, dahagi atau rampasan, kebangkitan tentera atau kebangkitan awam;
2. tidak siuman, bunuh diri (ketika siuman atau tidak siuman), kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau sebarang percubaan terhadapnya;
3. sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Walau bagaimanapun penyakit yang dinamakan yang disebut secara khusus bawah Manfaat Belanja Perubatan, Manfaat Transfusi Darah dan Manfaat Elaun Perkabungan boleh dilindungi bawah keadaan khusus sebagaimana diperincikan di dalamnya;
4. melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasinya;
5. pembunuhan atau serangan yang diprovokasi;
6. semasa dalam perjalanan di dalam pesawat terbang sebagai anak kapal, selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana pesawat terbang berlesen untuk perkhidmatan penumpang;
7. semasa melakukan atau cubaan melakukan kegiatan yang menyalahi undang-undang;
8. semasa melibatkan diri dalam sebarang sukan profesional;
9. seni mempertahankan diri atau tinju, kegiatan udara termasuk terjun dengan payung terjun dan meluncur gantung, kegiatan dalam air melebihi lima puluh (50) meter dalamnya, mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau panduan mekanikal;
10. perlumbaan (selain daripada jalan kaki), mengkadar kelajuan, ujian kelajuan atau ujian kebolehppercayaan;
11. pengionan, radiasi atau pencemaran melalui radioaktiviti, bahan senjata nuklear;
12. menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah;
13. berkaitan dengan perlindungan Liabiliti Diri:
 - (a) liabiliti diterima oleh Orang Yang Diinsuranskan melalui persetujuan melainkan liabiliti demikian telah dikenakan kepada Orang Yang Diinsuranskan walaupun terdapat persetujuan demikian;
 - (b) liabiliti berkaitan dengan kecederaan kepada seseorang yang pada masa mengalami kecederaan demikian sedang dalam perkhidmatan Orang Yang Diinsuranskan atau bagi pampasan yang dituntut daripada Orang Yang Diinsuranskan oleh orang yang cedera atau bergantung bawah mana-mana Perundangan Pampasan Pekerja;
 - (c) liabiliti berkaitan dengan kecederaan kepada seseorang yang menjadi ahli keluarga Orang Yang Diinsuranskan sendiri atau ahli isi rumah Orang Yang Diinsuranskan;
 - (d) liabiliti berkaitan dengan kerosakan harta benda yang dimiliki atau dalam jagaan atau bawah kawalan Orang Yang Diinsuranskan atau mana-mana pekerja atau ejen Orang Yang Diinsuranskan;
 - (e) liabiliti berkaitan dengan kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh atau berhubung dengan atau timbul daripada:
 - (i) Pemunyaan atau pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Orang Yang Diinsuranskan akan mana-mana binatang (selain daripada anjing atau kucing), pesawat terbang, motosikal, kenderaan, kapal atau sebarang jenis pesawat,
 - (ii) Pemunyaan atau pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Orang Yang Diinsuranskan akan mana-mana tanah atau bangunan, atau
 - (iii) Sebarang pekerjaan, pemilikan atau perniagaan Orang Yang Diinsuranskan atau apa-apa dibuat berhubung dengannya atau bagi tujuannya;
 - (f) liabiliti bagi sebarang akibat sama ada langsung atau tidak langsung daripada peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, pertempuran (sama ada perang diisytihar atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan, dahagi,

14. kebangkitan awam, mogok, rusuhan atau kekecohan awam;
kerugian, kos atau perbelanjaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebagai hasil daripada Keganasan apabila tindakan dan / atau tindakan Keganasan melibatkan penggunaan senjata nuklear, kimia atau biologi pemusnah besar-besaran walau bagaimanapun ini boleh didedahkan atau digabungkan.

SYARAT-SYARAT

1. HAD UMUR

Orang Yang Diinsuranskan mestilah tidak berumur lebih dari tujuh puluh (70) tahun.

2. PINDAAN

Syarikat berhak untuk meminda terma dan syarat-syarat dalam Polisi ini dan pindaan tersebut kepada Polisi ini akan hanya sah jika di luluskan oleh Syarikat dan diendors seterusnya.

3. UNDANG-UNDANG YANG DIGUNA PAKAI

Polisi ini dan semua hak, tanggungjawab dan liabiliti yang timbul di dalam ini, hendaklah ditafsirkan dan ditentukan dan boleh dikuat kuasakan menurut undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif bersama ini.

Tiada tindakan undang-undang atau dalam ekuiti dimulakan untuk mendapatkan semula atas Polisi ini sebelum tamatnya tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian bertulis telah diberikan menurut keperluan Polisi ini.

4. PENIMBANG TARA

Semua perbezaan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak dalam perbezaan. Jika tiada persetujuan keatas satu Penimbang Tara, maka dua Penimbang Tara hendaklah dilantik secara bertulis, satu bagi setiap pihak, dalam masa satu bulan kalendar dari tidak adanya persetujuan. Jika tiada persetujuan di antara Penimbang Tara, seorang Pengadil hendaklah dilantik oleh Penimbang Tara secara bertulis sebelum mendengar rujukan. Sebarang tindakan guaman yang diambil oleh Pemegang Polisi terhadap Syarikat keatas Polisi bagi apa saja sebab hanya boleh dibuat selepas suatu Tawaran oleh Penimbang Tara dan/atau Pengadil.

5. PERUBAHAN RISIKO

Pemegang Polisi hendaklah segera memberi notis bertulis kepada Syarikat akan apa-apa perubahan alamat, pekerjaan, usaha atau sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan atau kerengsaan fizikal terhadap Orang Yang Diinsuranskan telah dijejaskan. Tiada pindaan dalam terma Polisi ini atau apa-apa pengendorsan di atasnya, dianggap sah melainkan pindaan atau pengendorsan itu ditandatangani atau diparapi oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.

6. PROSEDUR TUNTUTAN

Apabila berlaku suatu kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Pemegang Polisi hendaklah dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kemalangan itu memberi notis kepada Syarikat dengan butiran penuh tentang kemalangan dan kecederaan dan hendaklah secepat mungkin mencari dan bertindak mengikut nasihat perubatan atau pembedahan yang betul.

Pemegang Polisi (atau wakil diri yang sah Pemegang Polisi) hendaklah atas belanja Pemegang Polisi memberi kepada Syarikat semua sijil, maklumat dan bukti tersebut dalam bentuk atau jenis sebagaimana mungkin dikehendaki oleh Syarikat dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menyerahkan kepada pemeriksaan perubatan bagi pihak Syarikat bila-bila masa dikehendaki dengan munasabah berbuat demikian. Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Diinsuranskan Syarikat berhak mengadakan pemeriksaan bedah siasat atas belanjanya sendiri dan bila boleh dilaksanakan sebelum pengebumian atau pembakaran mayat, notis hendaklah diberi kepada Syarikat menyatakan masa dan tempat apa-apa temuan penyiasatan. Kematian Orang Yang Diinsuranskan hendaklah dipastikan dengan Sijil Kematian Rasmi, atau sekiranya berlaku

kehilangannya berikutan kemalangan atau kerugian menyeluruh kapal pesawat terbang, oleh Perintah Mahkamah yang menganggap kematiannya.

7. PRASYARAT LIABILITI

Betul-betul mematuhi dan memenuhi terma syarat dan pengendorsan Polisi ini oleh Pemegang Polisi atau mana-mana Pihak Menuntut bawah Polisi ini setakat yang ia berkaitan dengan apa-apa untuk dilakukan atau dipatuhi oleh Pemegang Polisi atau oleh mana-mana Pihak Menuntut bawah Polisi ini dan kebenaran kenyataan dan jawapan di dalam cadangan tersebut hendaklah menjadi prasyarat kepada mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang pembayaran bawah Polisi ini.

8. MATA WANG DAN KADAR PERTUKARAN

Semua premium hendaklah dibayar dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia dan memberi bil dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, Syarikat akan menanggung rugi Pemegang Polisi (atau wakil dirinya yang sah) dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran yang disebut (kadar pasaran terbuka jika pasaran bebas, kadar rasmi jika bukan pasaran bebas) pada tarikh Orang Yang Diinsuranskan dibenarkan keluar dari hospital.

9. SILAP NYATAAN ATAU PENINGGALAN TENTANG FAKTA PENTING

Jika cadangan atau perisytiharan Pemegang Polisi tidak benar dalam mana-mana segi atau jika mana-mana fakta penting yang mempengaruhi risiko itu dinyatakan dengan tidak betul di dalam ini atau ditinggalkan daripadanya atau jika insurans ini atau apa-apa pembaharuan padanya diperolehi melalui nyataan salah, silap nyata atau penyekatan atau jika apa-apa tuntutan yang dibuat melibatkan penipuan atau ditokok tambah atau mana-mana perisytiharan atau kenyataan palsu dibuat dalam menyokongnya jadi dalam mana-mana kes ini Polisi ini adalah tidak sah.

10. KLAUSA KEWAJIPAN PENDEDAHAN

A. Kontrak Insurans Pengguna

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Insurans Komersial

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu yang akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui

dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

11. BUKAN PENYERAHAN HAK

Syarikat berhak memperlakukan Pemegang Polisi sebagai pemilik mutlak Polisi melainkan diperuntukan sebaliknya dengan jelas melalui pengendorsan keatas Polisi ini dan tidak terikat untuk mengiktiraf sebarang tuntutan ekuiti atau lain atau kepentingan dalam Polisi dan penerimaan wang tuntutan oleh Pemegang Polisi (atau wakil diri yang sah Pemegang Polisi) sahaja hendaklah menjadi penyelesaian yang berkesan.

12. NOTIS

Setiap notis atau komunikasi yang hendak diberikan atau dibuat oleh Pemegang Polisi (atau wakil diri yang sah Pemegang Polisi) hendaklah dihantar secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan Syarikat.

13. TEMPOH INSURANS DAN PEMBAHARUAN

Polisi ini akan berkuat kuasa bermula dari tarikh yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi. Polisi akan berkuat kuasa bagi satu tahun kalendar dan akan dibaharui secara automatik pada hari ulang tahun setiap tahun Polisi melainkan Pemegang Polisi memberi notis bertulis untuk tidak membaharui Polisi. Walau bagaimanapun, tiada tuntutan akan dibayar jika premium tidak sebenarnya dibayar sebelum berlaku apa-apa kemalangan.

14. WARRANTI TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Syarat penting dan mutlak khusus bagi kontrak insurans ini ialah tiada perlindungan akan diberikan melainkan premium penuh telah dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum traikh bermula/berkuatkuasa polisi ini atau pengendorsan yang disertakan atau pembaharuan seterusnya.

15. PENAMATAN INSURANS

(a) Penamatan oleh Pemegang Polisi

Jika Pemegang Polisi memberi notis kepada Syarikat untuk menamatkan Polisi ini, penamatan demikian hendaklah berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang ditetapkan di dalam notis demikian, yang mana lebih dahulu. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh melewati tarikh penamatan Polisi ini, kadar tempoh pendek Syarikat hendaklah diguna pakai, tertakluk kepada premium minimum Syarikat, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa Tempoh

Insurans semasa. Skala kadar tempoh pendek yang berikut hendaklah diguna pakai:

Tempoh Insurans	Peratusan daripada Premium Tahunan Yang Akan Dikenakan.
Tempoh tidak melebihi 15 hari	10%
Tempoh tidak melebihi 1 bulan	20%
Tempoh tidak melebihi 2 bulan	30%
Tempoh tidak melebihi 3 bulan	40%
Tempoh tidak melebihi 4 bulan	50%
Tempoh tidak melebihi 5 bulan	60%
Tempoh tidak melebihi 6 bulan	70%
Tempoh tidak melebihi 7 bulan	75%
Tempoh tidak melebihi 8 bulan	80%
Tempoh tidak melebihi 9 bulan	85%
Tempoh tidak melebihi 10 bulan	90%
Tempoh tidak melebihi 11 bulan	95%
Tempoh melebihi 11 bulan	100%

(b) Penamatan oleh Syarikat

Syarikat boleh memberi notis penamatan melalui surat berdaftar kepada Pemegang Polisi di alamat terakhirnya. Penamatan tersebut hendaklah bermula tujuh (7) hari berikutan tarikh notis tersebut. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh selepas tarikh penamatan

Polisi, premium pro-rata akan dikembalikan kepada Pemegang Polisi dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam Tempoh Insurans semasa.

(c) Penamatan Automatik

- Polisi ini akan luput/tamat pada tengah malam (piawai masa Malaysia) pada hari terakhir Tempoh Insurans.
- Polisi ini akan luput/tamat pada hari ulang tahun polisi berikutan Orang Yang Diinsuranskan mencapai hari jadi yang ke 70.

16. HAD SEKATAN DAN FASAL PENGECUALIAN

Syarikat tidak akan memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada mana-mana larangan

atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Dengan memberikan maklumat peribadi Anda, bermakna Anda memberi kebenaran kepada Kami untuk menggunakannya sebagaimana dihuraikan di bawah:

- Untuk memproses data peribadi Anda dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak insurans.
- Anda membenarkan dan mengizinkan Kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan Kami, khususnya,
 - Penyelaras berlesen yang berdaftar,
 - Pegua Cara, dan mana-mana badan professional lain untuk tujuan pelaksanaan kontrak insurans,
 - Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
 - ISM Insurance Services Malaysia Berhad
- Subjek Data (pencadang) hendak dimaklumkan tentang haknya untuk menyemak data dan untuk meminta pembetulan data peribadinya.

Notis: Menurut peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami untuk mendapatkan butir-butir data peribadi Anda. Maklumat sedemikian akan hanya diberikan selepas pengesahan. Anda boleh mengemaskinikan/membetulkan data dengan memberikan butir-butirnya secara bertulis kepada Kami.

FASAL PENGECUALIAN PENYAKIT BERJANGKIT (LMA 5394)

- Walaupun apa pun peruntukan yang bertentangan dalam polisi ini, polisi ini mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa sahaja perbelanjaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berhubung dengan penyakit berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada benar atau dirasakan) daripada penyakit berjangkit tanpa mengira sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau mengikut urutan lain.
- Seperti yang digunakan disini, penyakit berjangkit bermaksud penyakit yang ditularkan melalui apa-apa bahan atau ejen dari mana-mana organisma ke organisma lain dimana :
 - Bahan atau ejen termasuk tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau sebarang variasi, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
 - Kaedah penularan sama ada secara langsung atau tidak langsung, merangkumi tetapi tidak terhad kepada, penularan melalui udara, penularan melalui cecair badan, penularan dari atau kemana-mana permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
 - Penyakit itu, bahan atau ejen boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan pada kesihatan manusia atau kesejahteraan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta benda.

(LMA 5394) (diubahsuai untuk polisi insurans)

Keseluruhan Polisi ini (dengan dokumen dalam takrif Polisi)
hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak.

NOTIS PENTING

Sila baca Polisi ini dan syarat-syaratnya. Jika terdapat
sebarang kesilapan, sila kembalikan kepada kami dengan
segera untuk dipinda.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.
Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak
setara, versi Bahasa Inggeris akan di gunapakai.

